

AUKU: Kerangka baharu mesti perkasa autonomi universiti, kebebasan akademik – Adam Adli

Oleh Berita Harian-August 18, 2026 @ 6:48pm



KUALA LUMPUR: Kerangka undang-undang baharu susulan pemansuhan Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) 1971 perlu memperkasa autonomi universiti, kebebasan akademik serta penglibatan mahasiswa dalam tadbir urus institusi pengajian tinggi.

Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, Adam Adli Abd Halim berkata kerangka baharu itu perlu membawa pembaharuan dan tidak mengulangi kelemahan AUKU yang sebelum ini dikritik kerana bersifat mengongkong.

Beliau berkata penggubalan kerangka berkenaan akan dilaksanakan menerusi konsultasi yang luas dan inklusif bersama mahasiswa, kepimpinan universiti, ahli akademik serta pembuat dasar. Katanya, kerangka baharu perlu mewujudkan ruang yang lebih terbuka untuk percambahan ilmu, perdebatan sihat dan kebebasan akademik, sekali gus membolehkan institusi pengajian tinggi berkembang secara lebih progresif.